



KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA
8 Ogos 2021

Kuiz Pelaburan Tahunan PNB Kembali Lagi

Kuiz menguji peserta mengenai konsep urus wang dan pelaburan

KUALA LUMPUR, 8 Ogos 2021: - Kuiz Pelaburan PNB 2021, iaitu pertandingan kuiz tahunan anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang dibuka untuk warganegara Malaysia akan berlangsung bermula 9 Ogos ini. Kuiz ini menguji peserta mengenai konsep utama pelaburan dan perancangan kewangan melalui pendekatan hibur didik bagi kategori Remaja dan Umum, dengan hadiah keseluruhan bernilai RM68,500.

Tempoh kuiz bagi Kategori Remaja berumur 13 hingga 17 tahun ialah mulai 9 hingga 22 Ogos, manakala penyertaan untuk Kategori Umum bagi golongan berusia 18 tahun dan ke atas, akan bermula dari 16 hingga 31 Ogos 2021.

Penyertaan untuk Kuiz ini adalah secara dalam talian di laman web Amanah Saham Nasional Berhad (www.asnb.com.my). Semua maklumat, soalan dan artikel berkaitan Kuiz Pelaburan PNB juga akan dimuat naik di laman web tersebut. ASNB ialah syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB yang ditugaskan untuk melaksanakan inisiatif literasi kewangan dengan menumpukan usaha membangunkan masyarakat yang lebih bijak tentang pelaburan.

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin berkata, “Kuiz yang bertemakan ‘Capai Kemerdekaan Kewangan’ sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia ini mengemukakan soalan-soalan berkaitan pelaburan dan pengurusan kewangan.”

“Konsep soalan tahun ini adalah berbeza berbanding tahun lalu dan boleh dikatakan lebih mencabar kerana peserta hanya diberikan petunjuk dan bayangan jawapan, bukannya soalan objektif dengan pilihan jawapan a, b atau c.”

Semua soalan untuk Kuiz Pelaburan PNB ini akan disiarkan selama lima hari berturut-turut di akhbar Berita Harian dan Sinar Harian yang mana bagi Kategori Remaja, tarikh terbitan ialah dari 9 hingga 13 Ogos manakala untuk Kategori Umum, tarikh terbitan ialah pada 16 hingga 20 Ogos 2021. Peserta disarankan untuk merujuk artikel yang diterbitkan kedua-dua akhbar berkenaan sepanjang lima hari untuk mendapatkan panduan bagi menjawab soalan kuiz.

“Setiap tahun, kami berusaha meningkatkan cabaran dengan mempelbagaikan konsep soalan supaya Kuiz Pelaburan PNB kekal sebagai antara medium yang mampu menarik minat orang ramai untuk mendalami ilmu pelaburan dan pengurusan kewangan,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Menurut Mohammad, penganjuran Kuiz Pelaburan PNB pada tahun ini merupakan penganjuran kali ke-21.

“Jika sebelum ini, Kuiz Pelaburan PNB dianjurkan secara bersemuka yang mana peserta bertanding di pentas secara bersemuka, sejak tahun lalu Kuiz ini telah dianjurkan sepenuhnya secara dalam talian sesuai dengan norma baharu berikut pandemik COVID-19.

“Kami dapati kaedah penyertaan dalam talian memberi peluang kepada penyertaan yang lebih meluas daripada orang ramai yang mana pada 2020, sejumlah 173,980 penyertaan diterima, meningkat 120% berbanding tahun sebelumnya,” katanya.

Kuiz Pelaburan PNB yang dianjurkan sejak tahun 2001 setakat ini telah menarik hampir 800,000 penyertaan. Penganjuran kuiz ini merupakan antara usaha berterusan ASNB dan PNB di bawah teras Literasi Kewangan dalam menyampaikan ilmu pelaburan dan pendidikan kewangan kepada orang ramai menerusi kaedah yang lebih menarik.

Keputusan Kuiz Pelaburan PNB bagi kedua-dua kategori adalah berdasarkan semua jawapan yang betul. Sistem yang telah dibangunkan oleh ASNB akan memilih pemenang secara rawak. Penyertaan adalah tidak terhad, namun setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu hadiah sahaja.

-Tamat-

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 tabung unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 269.6 bilion dan 14.7 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad